



**KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
(TAHUN 2021)**

- Lembaga Tatatertib :** Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1),
Jabatan Pertanian Malaysia
- Tarikh :** 11 Mei 2021 (Selasa)
- Kumpulan Perjawatan/Gred :** Sokongan/ Pembantu Kemahiran H19
- Kesalahan :** **Pertuduhan Pertama**
Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah sebanyak 432 hari dalam tempoh 24 Mac 2019 hingga 30 September 2020.
- Pertuduhan Kedua**
Tidak mengetik kad perakam waktu pada waktu petang sebanyak 4 kali bagi tahun 2019.
- Pertuduhan Ketiga**
Lewat mengetik kad perakam waktu dan tidak mengetik kad perakam waktu mengikut waktu pilihan tanpa catatan meninggalkan pejabat bukan dengan tujuan rasmi sebanyak 2 kali bagi tahun 2019.
- Peraturan :** **Pertuduhan Pertama**
Tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah [Peraturan 4(2)(g) dan 4(2)(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993].
- Pertuduhan Kedua**
Ingkar perintah [Peraturan 4(2)(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993].
- Pertuduhan Ketiga**
Ingkar perintah [Peraturan 4(2)(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993].
- Hukuman :** Lembaga Tatatertib memutuskan Pegawai dikenakan hukuman **BUANG KERJA** [Peraturan 38(g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993] bagi ketiga-tiga pertuduhan.
- Keputusan adalah berasaskan kepada pertimbangan **hal keadaan** dan **merit kes**.
- Tempoh Tidak Layak Dipertimbangkan Kenaikan Pangkat :** -